

PRIMA Komuniti+ Diperkenal Di Residensi Pulau Sebang, Perkukuh Hubungan Kejiranan

🕒 04/10/2025 07:33 PM



Foto: Perbadanan PRIMA Malaysia (PRIMA)

ALOR GAJAH, 4 Okt (Bernama) -- Perbadanan PRIMA Malaysia (PRIMA) memperkenalkan inisiatif terbaharu iaitu PRIMA Komuniti+ menerusi penganjuran program sulung di Residensi Pulau Sebang di sini hari ini.

PRIMA dalam kenyataannya memaklumkan program berkenaan menzahirkan aspirasi agensi itu dalam memperkukuh hubungan kejiranan serta membuka peluang pembangunan komuniti, melebihi peranan utama sebagai penyedia perumahan mampu milik.

Menurut agensi peneraju perumahan mampu milik bagi kumpulan M40 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) itu, penganjuran PRIMA Komuniti+ di residensi berkenaan merupakan sebahagian sokongan PRIMA terhadap agenda Malaysia MADANI yang menekankan kesejahteraan rakyat, kelestarian dan keterangkuman.

"Penganjuran PRIMA Komuniti+ di Residensi Pulau Sebang hari ini menghimpunkan pelbagai aktiviti bersama penduduk setempat, agensi kerajaan dan swasta serta usahawan kecil serta sederhana dalam kalangan komuniti.

"Selain itu, PRIMA turut mempromosikan M-Niaga, iaitu ruang niaga komersial yang ditawarkan di projek PRIMA di seluruh negara sebagai platform untuk menjana ekonomi komuniti," menurut kenyataan itu.

Dalam kenyataan yang sama, Pengerusi PRIMA Datuk Azrulizam Abdul Aziz berkata penganjuran program PRIMA Komuniti+ sejajar dengan aspirasi untuk mewujudkan komuniti yang lebih inklusif dan berdaya tahan.

Beliau berkata PRIMA percaya kejiranan yang kukuh terbina bukan sahaja melalui penyediaan kediaman yang berkualiti tetapi juga melalui jaringan sosial, aktiviti bersama dan peluang ekonomi yang memanfaatkan semua lapisan masyarakat.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Anggota Perbadanan PRIMA Datuk Seri Mohd Nazri Md Shariff berkata PRIMA Komuniti+ mengukuhkan komitmen agensi itu melangkaui peranan sebagai penyedia kediaman mampu milik.

"Melalui M-Niaga pula, PRIMA membuka peluang niaga kepada usahawan kecil dan sederhana dalam kalangan penduduk setempat, sekali gus merencanakan aktiviti sosioekonomi dan memberi nilai tambah kepada komuniti PRIMA di seluruh negara," katanya.

Antara pengisian lain program PRIMA Komuniti+ ialah sesi perkongsian maklumat mengenai kempen diskaun sehingga 25 peratus menerusi 'Rumah PRIMA Kita' yang sedang berlangsung hingga 31 Dis 2025, 'PRIMA Referral Program', promosi peranti rumah pintar dan taklimat proses perundangan perumahan *Memorandum of Transfer* (MOT).

PRIMA Komuniti+ turut melibatkan pameran pelbagai agensi kerajaan, institusi kewangan dan firma guaman selain jualan makanan yang diusahakan sendiri oleh komuniti residensi terlibat serta pelbagai aktiviti santai seperti permainan karnival, *petting zoo*, pertandingan mewarna kanak-kanak dan e-sukan.

-- BERNAMA